

# QTERN<sup>®</sup> 5 MG/10 MG FILM-COATED TABLETS

Saxagliptin 5 mg & Dapagliflozin 10 mg

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan QTERN
2. Bagaimana QTERN berfungsi
3. Sebelum mengambil QTERN
4. Cara menggunakan QTERN
5. Semasa menggunakan QTERN
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan QTERN
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang
10. Pemegang Pendaftaran Produk
11. Tarikh kemaskini
12. Nombor siri

## Apakah kegunaan QTERN

QTERN mengandungi bahan aktif *saxagliptin* dan *dapagliflozin*. Kedua-duanya tergolong dalam kelas ubat yang dipanggil “ubat anti-kencing manis oral” (*oral anti-diabetic*).

- Ubat ini diambil melalui mulut untuk kencing manis jenis 2.
- Ubat ini digunakan jika kencing manis jenis 2 anda tidak boleh dikawal dengan ubat oral kencing manis yang lain, bersama dengan diet dan senaman.

### *Kencing manis jenis 2 (type 2 diabetes mellitus)*

Kencing manis jenis 2 merupakan gejala dimana badan anda tidak menghasilkan *insulin* yang cukup dan *insulin* dalam badan anda tidak berfungsi seperti yang sepatutnya. Badan anda juga mungkin menghasilkan terlalu banyak gula. Apabila ini berlaku, gula (glukosa) terkumpul dalam darah dan ini boleh menyebabkan masalah perubatan yang teruk.

Matlamat utama merawat kencing manis jenis 2 adalah untuk mengawal gula dalam darah anda

ke tahap yang normal. Menurunkan dan mengawal gula dalam darah boleh membantu mencegah atau melambatkan komplikasi kencing manis, seperti penyakit jantung, penyakit buah pinggang, buta dan amputasi.

Doktor anda mungkin telah memberikan anda ubat ini untuk kegunaan yang lain. Bincang dengan doktor anda jika anda mempunyai sebarang soalan tentang sebab anda diberikan QTERN.

QTERN tidak menyebabkan ketagihan.

## Bagaimana QTERN berfungsi

QTERN mengandungi dua bahan aktif, *saxagliptin* dan *dapagliflozin*. *Saxagliptin* tergolong dalam kelas ubatan yang dipanggil perencat DPP-4 (*dipeptidyl peptidase-4 inhibitors*), dan *dapagliflozin* tergolong dalam kelas ubatan yang dipanggil perencat SGLT-2 (*sodium glucose cotransporter-2*). *Saxagliptin* bersama *dapagliflozin* menurunkan paras gula darah dalam pesakit kencing manis jenis 2.

## Sebelum mengambil QTERN

### - *Bila tidak boleh mengambil*

Jangan ambil QTERN jika anda alah kepada:

- *saxagliptin* atau *dapagliflozin*, bahan aktif dalam QTERN;
- mana-mana ubatan DPP-4 yang lain; atau
- mana-mana bahan lain yang tersenarai pada hujung risalah ini.

Antara gejala tindak balas alahan mungkin termasuk sesak nafas,

berdehit atau sukar bernafas; bengkak pada muka, bibir, lidah atau bahagian-bahagian badan yang lain; ruam, gatal-gatal atau gegata pada kulit atau anda mungkin rasa pitam.

Jangan ambil QTERN jika anda mengalami fungsi buah pinggang yang tidak baik, penyakit buah pinggang yang teruk atau kegagalan buah pinggang. QTERN memerlukan buah pinggang berfungsi baik untuk berkesan dengan baik.

Jangan ambil QTERN jika anda mengalami fungsi hati yang lemah atau kegagalan hati yang teruk. Jika anda sedang mengalami atau pernah mengalami masalah hati, beritahu doktor anda sebelum anda mengambil QTERN.

Jangan ambil ubat ini jika anda mengandung atau merancang untuk mengandung. Keselamatan QTERN di kalangan wanita hamil belum ditentukan. Ubat insulin lebih sesuai untuk mengawal glukosa darah semasa mengandung. Doktor anda akan menggantikan QTERN dengan insulin semasa anda hamil.

Jangan ambil QTERN jika anda sedang menyusukan bayi. QTERN tidak digalakkan semasa anda sedang menyusukan bayi. Doktor anda akan bincang tentang pilihan lain bersama anda.

Jangan ambil QTERN selepas tarikh luput yang dicetak pada pek atau jika bungkusan koyak atau menunjukkan tanda-tanda diusik. Jika ubat anda telah luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

QTERN tidak disyorkan untuk digunakan dalam kanak-kanak. Ia tidak pernah dikaji dalam kanak-kanak berumur kurang daripada

18 tahun.

Jika anda tidak pasti sama ada anda perlu mula mengambil QTERN, bincangkan dengan doktor atau ahli farmasi anda.

- Sebelum mula mengambil

Buangkan mana-mana ubatan lain yang mengandungi *dapagliflozin* atau *saxagliptin* yang doktor anda mungkin dulu telah berikan kepada anda dan masih ada dalam simpanan anda. QTERN mengandungi *dapagliflozin* dan *saxagliptin*. Jika anda mempunyai lebih daripada satu ubat yang mengandungi *dapagliflozin* atau *saxagliptin* dalam simpanan anda, anda boleh terlebih dos secara tidak sengaja.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti jika anda mempunyai ubatan lain yang mengandungi *dapagliflozin* atau *saxagliptin*. *Saxagliptin* dan *dapagliflozin* dijual berasingan sebagai ONGLYZA dan FORXIGA dan mungkin juga dijual dalam kombinasi dengan *metformin* sebagai KOMBIGLYZE XR dan XIGDUO XR. Doktor atau ahli farmasi anda akan tahu ubatan yang mana mengandungi *saxagliptin* dan *dapagliflozin* dan boleh menasihatkan anda apa perlu dibuat.

Beritahu doktor anda jika anda alah kepada:

- mana-mana ubatan lain
- mana-mana bahan lain seperti manakan, pewarna atau pengawet.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai, atau pernah mempunyai, mana-mana masalah kesihatan, terutamanya yang berikut:

- kencing manis jenis 1 yang boleh dikawal dengan insulin sahaja
- *diabetic ketoacidosis*. Ini merupakan gejala kencing manis tidak terkawal, dimana bahan yang dipanggil bahan ketone (*ketone bodies*)

berkumpul di dalam darah. Dapatkan rawatan perubatan segera apabila simptom seperti loya, muntah, pengurangan selera makan, sakit perut, rasa dahaga yang lampau, susah untuk nafas, keliru, keletihan atau rasa mengantuk yang luar biasa, kerap buang air kecil, bau yang manis pada nafas, penurunan badan berat yang cepat, rasa manis-manis atau logam pada mulut dan bau air kencing atau peluh yang berbeza.

- kegagalan jantung
- masalah buah ginjal, hati atau pankreas
- anda mengambil ubatan untuk tekanan darah tinggi atau ubat penyurut cecair (diuretik)
- sering mengalami jangkitan kelamin atau saluran kencing (jangkitan pundi kencing, buah pinggang, atau tiub yang membawa air kencing)
- penyakit yang boleh menyebabkan anda dehidrasi seperti cirit-birit atau jangkitan teruk.

Doktor akan menjalankan ujian fungsi buah pinggang pada permulaan rawatan dan selang sekata semasa anda dirawat.

Beritahu doktor anda jika anda mengandung atau merancang untuk hamil. QTERN tidak disyorkan untuk digunakan semasa mengandung. Tidak diketahui jika QTERN akan membahayakan bayi dalam kandungan anda.

Beritahu doktor anda jika anda sedang menyusukan anak atau merancang untuk menyusukan. QTERN tidak boleh digunakan semasa anda sedang menyusukan atau berancang untuk menyusukan bayi. Tidak diketahui jika bahan aktif dalam QTERN akan masuk ke dalam susu badan anda. Bincangkan dengan doktor anda tentang cara terbaik untuk memberi makan kepada bayi anda jika anda mengambil QTERN.

Beritahu doktor anda jika anda tidak tahan dengan laktosa. Tablet

QTERN mengandungi laktosa.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil sebarang ubat lain, termasuk yang anda memperolehinya tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan anda.

Terutamanya memberitahu doktor anda:

- jika anda mengambil litium kerana QTERN boleh mengurangkan jumlah litium dalam darah anda.

QTERN boleh diambil dengan kebanyakan ubat lain.

Jika anda belum memberitahu doktor anda tentang perkara-perkara ini, beritahunya sebelum anda mengambil QTERN.

**Cara menggunakan QTERN**

- Berapa banyak harus digunakan

Ikut semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Arahan mereka mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung di dalam risalah ini.

Jika anda tidak memahami arahan pada pek ubat, minta bantuan daripada doktor atau ahli farmasi anda.

Telan tablet QTERN sepenuhnya bersama secawan penuh air. Tablet QTERN tidak boleh dibahagikan atau dipotong.

Dos QTERN adalah satu biji tablet sekali sehari.

Doktor anda mungkin akan memberikan QTERN bersama dengan ubatan lain yang menurunkan gula darah.

- Bila perlu digunakan

QTERN perlu diambil pada masa yang hampir-hampir sama setiap

hari. Mengambil tablet anda pada masa yang sama setiap hari akan memberi kesan yang terbaik. Ia juga akan membantu anda ingat bila untuk mengambil tablet.

Tablet QTERN boleh diambil dengan atau tanpa makanan.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan mengambil ubat anda selari disuruh oleh doktor anda.

Pastikan anda simpan QTERN cukup untuk bertahan sepanjang hujung minggu dan cuti.

QTERN membantu mengawal gejala anda, tetapi tidak boleh menyembuhkannya. Oleh itu, anda perlu mengambil QTERN setiap hari.

- Jika terlupa menggunakan

Jika hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang anda terlepas dan ambil dos seterusnya seperti yang anda sepatutnya.

Jika tidak, ambil dos sebaik sahaja anda ingat, dan kemudian kembali mengambil ubat anda seperti biasa.

Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas.

Jika anda tidak pasti apa yang perlu dilakukan, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

Jika anda menghadapi masalah mengingati untuk mengambil ubat anda, tanya ahli farmasi anda untuk petunjuk.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Telefon doktor anda dengan segera untuk mendapatkan nasihat, atau pergi ke wad Kemalangan dan Kecemasan hospital terdekat, jika anda bafikir bahawa anda atau orang lain mungkin telah mengambil terlalu banyak QTERN. Ambil tindakan ini walaupun tiada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera.

**Semasa menggunakan QTERN**

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu mana-mana doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda mengambil QTERN.

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor, doktor gigi atau ahli farmasi yang anda sedang ambil QTERN.

Pastikan bahawa anda, rakan-rakan anda, keluarga dan rakan sekerja boleh mengenali tanda-tanda gejala aras gula rendah (*hypoglycaemia*) dan aras gula tinggi (*hyperglycaemia*) dan tahu bagaimana untuk merawatnya.

Seperti untuk semua pesakit kencing manis, adalah penting untuk memeriksa kaki anda dengan kerap dan mematuhi nasihat lain mengenai penjagaan kaki yang diberikan oleh doktor anda.

*Aras gula rendah (hypoglycaemia)*

QTERN biasanya tidak menyebabkan aras gula rendah, walaupun anda akan mengalami gejala ini jika anda mengambil ubatan lain yang tertentu.

Aras gula rendah boleh berlaku dengan tiba-tiba. Antara tanda-tanda awal termasuk:

- lemah, menggeletar atau berhuyung-hayang
- berpeluh
- ringan kepala, pening, sakit kepala atau kurang tumpuan
- cepat marah, rasa mahu menangis atau menangis
- kelaparan
- kebas sekitar bibir dan lidah.

Jika tidak dirawat dengan segera, gejala ini boleh menyebabkan:

- kehilangan koordinasi
- pertuturan yang tidak laras
- kekeliruan

- sawan atau tidak sedar diri.

Jika anda mengalami mana-mana gejala gula darah rendah, anda perlu meningkatkan aras gula darah anda dengan segera.

Anda boleh melakukan ini dengan melakukan salah satu daripada yang berikut:

- makan 5 hingga 7 biji gula-gula (*jelly beans*)
- makan 3 sudu kecil gula atau madu
- minum setengah tin minuman ringan bukan diet
- ambil 2 hingga 3 tablet glukosa pekat.

Kecuali jika anda akan mengambil hidangan atau makanan ringan dalam masa 10 hingga 15 minit, ikutinya dengan karbohidrat tambahan seperti biskut, buah-buahan atau susu.

Pengambilan karbohidrat tambahan ini akan mengelakkan kejatuhan aras gula darah anda untuk kali kedua.

*Aras gula tinggi (hyperglycaemia)*

Jika anda perasan gejala-gejala gula rendah kembali, hubungi doktor anda dengan segera. Doktor anda mungkin perlu mengambil kira rawatan tambahan atau rawatan lain untuk penyakit kencing manis anda.

Risiko gula darah tinggi meningkat dalam keadaan berikut:

- penyakit kencing manis tidak terkawal
- sakit, jangkitan atau tekanan stres
- mengambil QTERN kurang daripada yang ditetapkan
- mengambil ubatan lain yang tertentu
- tidak cukup senaman
- makan lebih karbohidrat daripada biasa.

Beritahu doktor anda jika anda:

- jatuh sakit
- mengalami dehidrasi
- cedera
- demam
- terkena jangkitan teruk
- akan menjalinkan pembedahan

(termasuk pembedahan pergigian).

Gula darah anda boleh menjadi sukar untuk dikawal pada masa ini.

Jika anda hamil semasa mengambil QTERN, beritahu doktor anda dengan segera.

Jika anda perlu menjalani apa-apa ujian perubatan semasa anda mengambil QTERN, beritahu doktor anda. QTERN boleh menjejaskan keputusan beberapa ujian.

Jumpa doktor anda dengan kerap untuk pemeriksaan. Doktor anda mungkin ingin menjalankan ujian darah untuk memeriksa buah pinggang, hati, jantung, dan tahap kolesterol dan lemak di dalam darah anda semasa anda mengambil QTERN.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan ambil QTERN untuk merawat sebarang masalah lain melainkan disuruh oleh doktor anda.

Jangan berikan ubat ini kepada orang lain, walaupun gejala-gejala mereka kelihatan sama atau mereka mengalami penyakit yang sama seperti anda.

Jangan berhenti mengambil ubat anda atau menukar dos tanpa berbincang dengan doktor anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Awas semasa memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana QTERN menjejaskan anda. Walaupun jarang berlaku, QTERN boleh menyebabkan pening dalam sesetengah orang. Aras gula darah yang rendah juga boleh melambatkan masa tindak balas anda dan menjejaskan keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera.

Pastikan anda tahu bagaimana anda bertindak balas terhadap QTERN sebelum anda memandu kereta, mengendalikan mesin atau melakukan perkara lain yang boleh membawa bahaya jika anda pening atau ringan kepala.

**Kesan-kesan sampingan**

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda secepat mungkin jika anda rasa sihat semasa anda mengambil QTERN.

Semua ubatan boleh menyebabkan kesan sampingan. Kadang-kadang kesan sampingan boleh menjadi teruk, tetapi kebanyakan masa ia tidak teruk. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan jika anda mendapat antara kesan-kesan sampingan ini.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk menjawab apa-apa soalan yang anda mungkin ada.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda perasan mana-mana gejala berikut dan ianya membimbangkan anda:

- sakit kepala
- rasa loya, muntah-muntah atau cirit-birit
- sakit perut atau rasa tidak selesa
- tanda-tanda jangkitan pada saluran pernafasan termasuk hidung berair, sakit tekak dan batuk
- sakit di belakang hidung dan tekak dan ketidakselesaian apabila menelan
- kesukaran bernafas atau sesak di dada
- rasa tertekan atau cemas
- sakit sendi
- tanda-tanda anemia seperti keletihan, sakit kepala, sesak nafas semasa bersenam, pening dan kelihatan pucat
- bengkak pada tangan, kaki atau pergelangan kaki
- ruam
- hilang selera makan
- kehilangan rasa
- sakit belakang.

Jika mana-mana daripada yang berikut berlaku, beritahu doktor

anda dengan segera atau pergi ke wad Kemalangan dan Kecemasan di hospital terdekat anda:

- tanda-tanda gula darah rendah (*hypoglycaemia*) yang berterusan walaupun mengambil gula seperti yang diterangkan di bawah tajuk SEMASA MENGGUNAKAN QTERN dalam risalah ini. Tanda-tanda gula darah rendah termasuk kelemahan, menggeletar atau berhuyung-hayang, berpeluh, ringan kepala, sakit kepala, pening, denyutan jantung yang cepat, kurang tumpuan, rasa mahu menangis atau menangis, cepat marah, lapar dan kebas di sekitar bibir dan jari. Jangan pandu kereta jika anda mengalami tanda-tanda gula darah rendah.
- tindak balas alahan yang teruk (mungkin termasuk sesak nafas, semput atau kesukaran pernafasan; kejutan, bengkak pada muka, bibir, lidah atau bahagian-bahagian badan yang lain; ruam kulit, gatal-gatal atau gegata kulit, demam alergi (*hayfever*), atau rasa mahu pengsan).
- *volume depletion* (kehilangan cecair yang diperlukan daripada badan; dehidrasi). Beritahu doktor anda jika anda tidak dapat menelan cecair atau jika anda mengalami mana-mana gejala kehilangan cecair badan yang terlalu banyak (*volume depletion* atau dehidrasi) semasa mengambil QTERN: mulut melekit kering, dahaga yang teruk, cirit-birit yang teruk atau muntah-muntah, pening, atau membuang air kecil kurang kerap daripada biasa atau tidak sama sekali.
- jangkitan kelamin. Jika anda ambil QTERN, anda mungkin mempunyai risiko yang lebih tinggi untuk jangkitan kelamin. Beritahu doktor anda jika anda mengalami sakit semasa kencing, kesakitan dan kerengsaan yang lebih teruk atau kemerahan dan bengkak pada kelamin anda, atau bau yang tidak menyenangkan atau keputihan yang berkaitan

dengan kelamin anda.

- jangkitan saluran kencing. Jika anda ambil QTERN, anda mungkin mempunyai risiko yang lebih tinggi untuk jangkitan saluran kencing. Jika anda mengalami gejala, seperti pedih atau sakit apabila anda membuang air kecil, membuang air kecil dengan lebih kerap atau cemas, demam, menggigil, atau terdapat darah dalam air kencing, hubungi doktor anda secepat mungkin.
- jika anda mengalami kesakitan atau rasa sensitif, kemerahan, bengkak pada kemaluan atau sekitar kawasan kemaluan hingga ke dubur, demam dan secara amnya berasa tidak sihat. Ini mungkin gejala sesuatu jangkitan yang jarang berlaku tetapi serius dan boleh mengancam nyawa yang dikenali sebagai *necrotising fasciitis of the perineum (Fournier's gangrene)* dan anda akan memerlukan rawatan segera. Doktor anda mungkin menyuruh anda untuk berhenti mengambil QTERN.
- kesakitan pada bahagian atas perut yang teruk, biasanya bersama dengan rasa loya dan muntah-muntah.
- *diabetes ketoacidosis*. Dalam kes-kes yang jarang berlaku, *dapagliflozin*, salah satu daripada bahan aktif dalam QTERN, boleh menyebabkan kesan sampingan yang teruk dipanggil *diabetic ketoacidosis*. Dapatkan rawatan perubatan segera apabila simptom seperti loya, muntah, pengurangan selera makan, sakit perut, rasa dahaga yang lampau, susah untuk nafas, keliru, keletihan atau rasa ngantuk yang luar biasa, kerap buang air kecil, bau yang manis pada nafas, penurunan badan berat yang cepat, rasa manis-manis atau logam pada mulut dan bau air kencing atau peluh yang berbeza. Risiko mendapat *diabetes ketoacidosis* boleh meningkat semasa puasa berpanjangan, pengambilan alkohol yang berlebihan, dehidrasi, pengurangan dos

insulin dengan mendadak, atau keperluan insulin yang lebih tinggi disebabkan oleh pembedahan besar atau sakit yang teruk.

- tanda dan gejala kegagalan jantung. Tanda-tanda kegagalan jantung mungkin termasuk, sesak nafas yang semakin teruk, peningkatan berat badan yang cepat dan bengkak kaki.

Kesan-kesan sampingan ini sangat serius. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera atau dimasukkan ke hospital.

Kadang-kadang, QTERN mungkin dikaitkan dengan perubahan dalam darah anda. Ini hanya boleh ditentukan apabila doktor menjalankan ujian dari semasa ke semasa untuk menyemak kemajuan anda.

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di sini boleh berlaku pada sesetengah pesakit. Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mendapati apa-apa yang membuat anda rasa tidak sihat.

Jangan terkejut dengan senarai kesan sampingan yang mungkin berlaku ini. Anda mungkin tidak akan mengalami mana-mana antaranya.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFD)*].

### Cara penyimpanan dan pelupusan QTERN

#### - Penyimpanan

Simpan tablet QTERN anda dalam papan lepuh sehingga tiba masa untuk mengambilnya. Jika anda mengeluarkan QTERN daripada papan lepuh ia tidak akan tahan dengan baik.

Simpan tablet anda di tempat yang sejuk dan kering di mana suhu kekal di bawah 30°C.

Jangan simpan QTERN atau mana-mana ubatan lain di bilik mandi atau berhampiran singki. Jangan tinggalkannya di dalam kereta atau di ambang tingkap. Haba dan kelembapan boleh merosakkan sesetengah ubat.

Simpannya di tempat kanak-kanak tidak dapat mencapai. Almari berkunci setinggi sekurang-kurangnya 1.5 meter dari lantai adalah tempat yang baik untuk menyimpan ubat.

#### - Pelupusan

Jika doktor anda beritahu anda untuk berhenti mengambil QTERN atau tablet yang telah lepas tarikh luput, tanya ahli farmasi anda apa yang perlu dibuat dengan ubatan yang tertinggal.

### Maklumat lanjut

#### - Rupa dan warna produk

Tablet bersalut filem QTERN 5 mg/10 mg merupakan tablet berwarna coklat muda hingga coklat, dwicembung, bulat, dengan "5/10" dicetak pada satu belah dan "1122" dicetak pada belah lain dalam dakwat biru. Boleh didapati dalam pek papan lepuh 28 tablet.

#### - Bahan-bahan kandungan

##### *Bahan aktif*

Setiap tablet bersalut filem QTERN 5 mg/10 mg mengandungi bahak aktif tersebut:

- *saxagliptin* 5 mg dan
- *dapagliflozin* 10 mg

##### *Bahan tidak aktif*

Setiap tablet QTERN 5 mg/10 mg mengandungi bahan tidak aktif tersebut:

- *microcrystalline cellulose*
- laktosa
- *croscarmellose sodium*
- *silicon dioxide*

- *magnesium stearate*
- *polyvinyl alcohol*
- *titanium dioxide*
- *macrogol 3350*
- talkum
- *red iron oxide*
- *yellow iron oxide*
- dakwat OPACODE S-1-10619  
Blue

Tablet QTERN tidak  
mengandungi gluten atau sukrosa.

- Nombor MAL

MAL19016095ARZ

### **Pengilang**

AstraZeneca Pharmaceuticals LP  
4601 Highway 62 East  
Mount Vernon  
Indiana 47620  
USA

### **Pemegang Pendaftaran Produk**

AstraZeneca Sdn. Bhd.  
Level 11 & 12, The Bousteador  
No. 10, Jalan PJU 7/6  
Mutiar Damansara  
47800 Petaling Jaya  
Malaysia

### **Tarikh kemaskini**

11/10/2024

VV-RIM-04935831  
(berdasarkan PI: VV-RIM-  
01432690)

### **Nombor siri**

NPRA (R1/3) 09102024/192